



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PELAKSANAAN SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI 2024 BERJAYA MENCAPAI OBJEKTIF

PUTRAJAYA, 29 April 2024 - Perayaan Hari Raya Aidilfitri telah disambut di seluruh negara pada 10 April 2024. Susulan itu, Kerajaan telah melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri 2024 berkuat kuasa 5 April 2024 sehingga 19 April 2024. Pelaksanaan skim ini merupakan langkah Kerajaan dalam menangani kos sara hidup semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri 2024.

Tempoh pelaksanaan skim ini adalah selama 15 hari dan berkuat kuasa pada 5 hari sebelum perayaan, 1 hari semasa perayaan dan 9 hari selepas perayaan. Sebanyak 22 jenis barangan harga terkawal berserta harga maksimumnya telah diwartakan bagi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri 2024.

Sepanjang pelaksanaan skim ini, sebanyak 8,095 pemeriksaan telah dijalankan ke atas premis perniagaan di seluruh negara merangkumi 144 pemeriksaan ke atas premis borong dan pengeluar serta 7,951 pemeriksaan ke atas premis runcit.

Tindakan undang-undang yang telah dikenakan ialah melibatkan 48 kes gagal menggunakan tanda harga khas merah jambu dan 1 kes tiada tanda harga. Tiada kesalahan menjual melebihi harga maksimum dikesan sepanjang pelaksanaan Skim.

Pihak Kementerian juga tidak menerima sebarang aduan sepanjang pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri 2024. Majoriti peniaga yang diperiksa komited serta mematuhi perundangan harga maksimum yang berkuat kuasa sepanjang pelaksanaan skim ini. Kementerian ingin merakamkan penghargaan kepada pihak industri dan keseluruhan peniaga atas komitmen serta kerjasama dalam menjayakan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri 2024.

Berdasarkan pemantauan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup serta maklum balas orang ramai, pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri 2024 telah berjalan dengan baik dan lancar.

DATUK AZMAN BIN ADAM

Ketua Pengarah Penguat Kuasa
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###